

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/3/2013

Tulis buku biografi tolak fitnah, tohmah

UM-20/3/2013

KUALA LUMPUR 19 Mac - Rakyat negara ini terutama golongan pemimpin diminta menulis buku berbentuk biografi atau autobiografi tentang diri mereka sebagai rujukan masyarakat serta menolak segala fitnah dan tohmahan yang dilemparkan ke atas mereka.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, penghasilan buku sebegini adalah selari dengan amalan demokrasi negara, khususnya apabila pihak yang menjadi sasaran fitnah berpeluang memberikan penjelasan dan ruang kepada pembaca membuat penilaian.

Katanya, hal ini kerana masyarakat secara amnya amat gemar untuk membaca perkara buruk berkenaan seseorang individu, seterusnya mewujudkan persepsi tidak baik terhadap pihak berkenaan.

“Daripada penulisan tentang diri sendiri, kita juga dapat maklumat berkenaan dengan keadaan terkini. Kita di Malaysia ini agak malas sedikit dan tidak begitu kerap menulis. Saya ini tulis banyak dalam blog, yang itu mungkin untuk mengata kepada orang.

“Negara kita ini sebuah negara demokrasi dan kita tahu dalam negara demokrasi, terdapat kebebasan bersuara, menulis dalam suratkhbar dan sebagainya.

“Apabila kita menulis, kita boleh salah gunakan kebebasan ini dengan membuat tuduhan, melempar fitnah dan bermacam-macam lagi kenyataan yang tidak berasas dan berasas,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika beru-

cap melancarkan buku tentang isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor berjudul *Biografi Rosmah Mansor* di sini hari ini.

Dr. Mahathir menambah, beliau berempati dengan Rosmah kerana menjadi mangsa fitnah pihak tidak bertanggungjawab terutama di laman siber yang bertujuan menjatuhkan kredibilitinya dan Perdana Menteri.

Katanya, beliau sendiri juga tidak terlepas daripada menjadi mangsa fitnah pihak tertentu sewaktu menjadi Perdana Menteri sehingga sekarang.

Oleh itu katanya, beliau berharap agar buku biografi tersebut akan menjadi salah satu bahan bacaan di sekolah-sekolah di seluruh negara bagi menjawab persoalan dalam kalangan golongan muda selepas mereka membaca bahan di internet.

Beliau percaya, golongan yang mencari keadilan akan bersikap terbuka untuk membaca sesuatu isu dari dua sudut penceritaan iaitu penyebar fitnah dan penjelasan individu yang menjadi sasaran.

“Saya gembira buku ini sudah keluar dan rakyat dapat membaca penerangan serta penjelasan daripada pihak yang menjadi sasaran, oleh orang tidak bertanggungjawab.

“Saya harap buku ini dapat menyumbang kepada pengetahuan rakyat terhadap keadaan di dalam negara kita dan peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh dalam negara terutama isteri Perdana Menteri,” katanya.